

54 14/13/17

Pasaran saham tempatan ke fasa pengukuhan

➔ Prestasi tahun ini dijangka lebih baik dengan pergerakan indeks antara 1,650 hingga 1,750 mata

Oleh **Mahanum Abdul Aziz**
mahanum_aziz@nstp.com.my

Pasaran saham tempatan dijangka bergerak dalam jalaran antara 1,650 hingga 1,750 mata tahun ini dengan sentimen pelabur dijangka lebih baik berbanding tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif UOB Asset Management (Malaysia) Bhd (UOBAM Malaysia), Lim Suet Ling, berkata pasaran ekuiti negara akan meneruskan tempoh pengukuhan sekurang-kurangnya sehingga akhir suku kedua tahun ini.

Beliau berkata, sentimen pasaran dijangka lebih baik tahun ini berbanding tahun lalu, meskipun

berdepan persekitaran mencabar.

"Lagi lama indeks berada dalam fasa pengukuhan, ia lagi baik.

"Sektor pilihan kami ialah pengunaan, automotif dan perkilangan. Kami negatif terhadap sektor pembinaan, hartanah dan perlombongan," katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat mengenai United-i Global Balanced Fund di Kuala Lumpur, semalam.

Dana patuh syariah pertama

Mengulas mengenai United-i Global Balanced Fund yang baru dilancarkan itu, Suet Ling berkata, UOBAM Malaysia mengunjurkan saiz dana seimbang global patuh syariah pertama itu akan men-



Sentimen pasaran dijangka lebih baik tahun ini berbanding tahun lalu, meskipun berdepan persekitaran mencabar"

Lim Suet Ling,
Ketua Pegawai Eksekutif
UOB Asset Management
(Malaysia)



Dari kiri Ketua Pegawai Eksekutif UOB Islamic Asset Management, Suhazi Reza Selamat; Suet Ling dan Ketua Pegawai Pelaburan UOB Islamic Asset Management (Malaysia), Zulfadie Zulkifli pada taklimat mengenai United-i Global Balanced Fund di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO OWEE AH CHUN /BH]

cecah RM100 juta dalam tempoh dua bulan ini.

Beliau berkata, pihaknya optimis dana yang baru dilancarkan itu mendapat sambutan memandangkan ia mampu membantu pelabur mencapai pendapatan yang stabil dan ketidaktentuan yang lebih rendah dengan melabur dalam portfolio global dan pelbagai merangkumi kelas aset syariah.

Katanya, dana berkenaan menggunakan penyaringan patuh syariah untuk memilih ekuiti global berlandaskan syariah dan sukuk bagi menjana pendapatan dan peningkatan modal.

"Dana ini sesuai untuk pelabur dengan selera risiko sederhana seranta tempoh pelaburan jangka se-

derhana dan panjang.

Unjur pulangan 7 peratus

"Dana ini mengguna pakai portfolio seimbang antara ekuiti berlandaskan syariah dan sukuk dengan nisbah 50:50," katanya.

UOBAM Malaysia mengunjurkan pulangan pelaburan dana itu kira-kira tujuh peratus atau lebih dalam tempoh sederhana. Pelaburan United-i Global Balanced Fund adalah pelbagai merentasi Asia, Eropah, Asia Barat dan Amerika Syarikat (AS).

Pelaburan minimum awal sebanyak RM1,000 dan pertambahan pelaburan minimum RM100. Tempoh tawaran bermula 11 Mac 2019 hingga 31 Mac 2019.